

Nenek trauma air masuk rumah

Tukang urut tradisional hanya mampu menangis ketika banjir kilat landa kediaman

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

PUCHONG – “Makcik hanya mampu menangis bila tengok air mencurah-curah masuk ke dalam rumah macam air terjun,” kata mangsa banjir, Sadiyah Zakaria, 68, apabila rumahnya di Jalan Berkat 5, Kampung Seri Aman di sini, dinaiki air petang kelmarin.

Dia kerugian lebih RM20,000 dan kira-kira 100 rumah lain di kampung sama ditenggelami air.

Sadiyah yang menawarkan khidmat urutan tradisional berkata, kejadian berlaku beberapa minit selepas hujan lebat kira-kira jam 3.30 petang setelah dia selesai mengurus seorang pelanggan yang datang ke rumahnya..

“Televisyen, peralatan rumah dan perabot jati semua rosak terendam dalam air, makcik sedih sangat...ni pertama kali rumah dilanda banjir besar,” katanya, semalam.

Sadiyah berkata, dia mengesyaki kejadian banjir berpunca daripada sistem perparitan yang belum disiapkan

sepenuhnya oleh kontraktor pembinaan transit aliran ringan (LRT) berhampiran rumahnya.

Katanya, sebelum ini anaknya sudah beberapa kali mendesak supaya kontraktor menyiapkan segera sistem perparitan di tapak pembinaan landasan LRT.

Namun dia kecewa perkara itu tidak diendahkan hingga menyebabkan dia ditimpa musibah petang kelmarin.

“Ni letih tak hilang lagi...semalam (kelmarin) cuci rumah sampai pukul 3.30 pagi tadi (semalam) nasib ada anak-anak dan cucu datang membantu,” katanya.

Sementara itu tinjauan *Sinar Harian* semalam mendapati selain rumah, jalan utama menghubungkan penduduk dengan kawasan luar turut ditenggelami air.

Ratusan kenderaan terkandas dan terpaksa menggunakan laluan alternatif lebih jauh untuk keluar masuk ke kawasan kampung berikutan air masih bertakung hingga pagi, semalam.



SADIAH

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) Kg Seri Aman, Mohd Asri Yunus berkata, tiga pusat pemindahan dibuka sebagai persediaan menghadapi bencana banjir.

Menurutnya, hujan luar biasa petang kelmarin menyebabkan air naik mendadak dan melimpah masuk ke rumah penduduk.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Datuk Nor Hisham Ahmad Dahlan berkata, ketiada sistem perparitan semipurna di tapak projek pembinaan LRT selain hujan lebat



Keadaan rumah Sadiyah yang ditenggelami air petang kelmarin

luar biasa petang kelmarin didakwa menjadi punca air bertakung dan menyebabkan banjir berlaku di sekitar Puchong dan Subang Jaya.

Beliau berkata, pihaknya menerima laporan beberapa kawasan dinaiki air termasuk SS19, Puchong Permai, Kampung Seri Aman, SS14 dan USJ 1.

Di SS19, air melimpah masuk ke kawasan sekolah berikutan longkang sedia ada terlalu kecil dan rendah menyebabkan air sukar mengalir

keluar ke parit monsoon.

Pihaknya sudah meminta Kementerian Pendidikan memperuntukan bajet untuk membesarkan segera longkang dalam kawasan sekolah.

Bagi Kampung Seri Aman pula, pihak kontraktor, didapati belum membina longkang bagi mengalirkan air keluar ke Sungai Klang.

“Saya dah minta kontraktor selesaikan masalah itu segera, mereka kena buat longkang tu jika tak air bertakung bila hujan,” katanya.

DUGAAN BANJIR KILAT, RIBUT

Di Jalan Bistari Kampung Seri Aman pula, beliau berkata, air bertakung di laluan utama disebabkan jabatan Perparitan dan Saliran (JPS) tidak membuka kunci air bagi membolehkan air mengalir dari kampung ke Sungai Klang.

Manakala di Puchong Permai pula, saliran perparitan yang ditutup dengan penutup longkang (concrete slab) selain tersumbat dengan sisa minyak menyebabkan air bertakung dan laluan jalan di kawasan rendah dilimpahi air.